

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1974**

=====

**KADAR BAYARAN DAN SYARAT-SYARAT BAGI
RANCANGAN TANAH BERKUMPUL DAN PINGGIR**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam persidangannya pada 14.3.1974 telah meluluskan kadar bayaran dan syarat-syarat untuk dikenakan bagi rancangan tanah berkumpul dan pinggir di Negeri Selangor berikut :-

- (a) Semua rancangan tanah berkumpul Kerajaan Selangor diwartakan di bawah seksyen 3, 4, 5 dan 6 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960.
- (b) Semua rancangan tanah pinggir Kerajaan Selangor diisytiharkan di bawah seksyen 3, 4 dan 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960.
- (c) Syarat-syarat untuk pengeluaran tanah dan dusun di bawah Akta yang sama adalah seperti berikut :-

TANAH GETAH

Suratan Hakmilik : Suratan Hakmilik Pejabat Tanah.

Tempoh Suratan Hakmilik : Pajakan selama 99 tahun.

Premium : RM25 satu ekar

Cukai Tahunan : RM7 satu ekar

Upah Sukat dan lain-lain bayaran : Kadar yang ditetapkan

Jenis Kegunaan Tanah : Pertanian (Getah)

Syarat Nyata :

Tanah yang dipajak ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tanaman getah yang telah diluluskan oleh Pengarah Pertanian Negeri.

Sekatan Hak :

Tanah yang dipajak ini tidak boleh ditukar milik, digadai atau dicagarkan melainkan dengan mendapat kebenaran daripada Pengusaha Negeri.

TANAH DUSUN DAN TAPAK RUMAH KEDIAMAN

Suratan Hakmilik	:	Suratan Hakmilik Pejabat Tanah
Tempoh Suratan Hakmilik	:	Pajakan selama 99 tahun
Premium	:	RM20 satu ekar
Cukai Tahunan	:	RM3.50 satu ekar
Upah Sukat dan lain-lain bayaran	:	Kadar yang ditetapkan
Jenis Kegunaan Tanah	:	Pertanian (Dusun)

Syarat Nyata :

Tanah yang dipajakkan ini hendaklah digunakan semata-mata untuk dusun sahaja dan tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.

Sekatan Hak :

Tanah yang dipajakkan ini tidak boleh ditukar milik, digadai atau dicagarkan melainkan dengan mendapat kebenaran Penguasa Negeri.

2. Oleh itu Pemungut adalah dinasihatkan supaya mengemukakan senarai peserta-peserta rancangan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga tindakan untukewartakan kawasan rancangan mengikut keputusan di perenggan 1 atas.

T.T

(HAJI SULAIMAN BIN MOHD. DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.Sel.1469 (42)

Kuala Lumpur
29hb Mac 1974